

Anak penoreh azam jadi pelajar cemerlang UMS

BH 2.9.13 2

Kota Kinabalu: Anak penoreh getah dari Kampung Kuala Tomani, Tenom, 300 kilometer dari sini, antara 100 pelajar miskin yang menerima tawaran khas melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pauziah Pangout, 20, tidak menyangka ditawarkan memasuki universiti itu apabila permohonannya untuk melanjutkan pelajaran di menara gading ditolak Unit Pusat Universiti (UPU), Julai lalu.

Ditemui pada majlis pendaftaran pelajar baru UMS bagi sesi 2013/2014, di sini, semalam, Pauziah berkata, dia bercita-cita melanjutkan pelajaran bagi mengikut jejak kakaknya yang belajar dalam bi-

dang pendidikan di UMS.

“Selepas mendapat keputusan UPU, saya sudah putus asa dan tidak menaruh harapan dapat mencapai impian menjejakkan kaki ke universiti, lebih-lebih lagi keputusan Sijil Tinggi Pelajaran (STPM) pada tahun lalu hanya mencatat Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 2.33.

UMS serah surat tawaran

“Bagaimanapun, Sabtu lalu saya terkejut apabila wakil UMS datang ke rumah menyerahkan surat tawaran melanjutkan pelajaran di universiti itu,” katanya.

Pauziah ditawarkan mengikuti program Komunikasi, bersyukur dapat melanjutkan pe-



Pauziah (kiri) dan Zaidi (tengah) **beramah mesra** dengan Wong Hui Yen (kanan) pada majlis pendaftaran pelajar baru UMS, semalam.

[FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]

lajaran di UMS dan bertekad menjadi pelajar cemerlang serta membantu keluarga mengubah taraf hidup selepas tamat pengajian.

Seorang lagi pelajar yang menerima tawaran khas, Zaidi Jolin, 20, berkata peluang yang diberikan UMS akan diman-

faatkan sebaik mungkin.

“Sebagai anak sulung, tawaran melanjutkan pelajaran di UMS adalah hadiah berharga kepada keluarga. Saya mahu membalas jasa keluarga yang banyak berkorban untuk saya dan empat lagi adik yang masih bersekolah,” katanya.